



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
18 MAC 2019 (ISNIN)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**KOSMO**

- UMUM	18
--------	----

**SinarHarian**

- Bantu sebar bahaya kanser	23
- Ahli SRS dilindungi insurans	23



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
18 MAC 2019 (ISNIN)**

Akhbar	KOSMO
Tajuk Berita	UMUM
Muka Surat	18

>HGGK *KOSMO 18/3/19 MS18*  
■ PIHAK berkusa tempatan perlu sentiasa memastikan pokok-pokok yang ditanam di tepi jalan berada dalam keadaan baik dan tidak mendatangkan bahaya kepada orang ramai terutamanya ketika musim hujan dan ribut. >**WARGA KL**



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**18 MAC 2019 (ISNIN)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Bantu sebar bahaya kanser
Muka Surat	23

**Bantu sebar bahaya kanser**

*SH 18/3/19 MS 23*

**PANDAN INDAH** – Masyarakat khususnya wanita perlu mempunyai kesedaran untuk melakukan pemeriksaan kanser pada peringkat awal.

Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Norhayati Haron berkata, pemeriksaan berkenaan satu keperluan walaupun mereka tidak mempunyai sejarah keluarga yang menghidap penyakit itu.

Menurutnya, pelbagai usaha dilakukan kerajaan termasuk NGO bagi meningkatkan kesedaran mengenai antara pembunuhan utama wanita di negara ini.

"Usaha sudah dilakukan agensi kerajaan dan NGO bagi menyebarkan pengetahuan mengenai kanser," katanya.

Menurutnya, masyarakat juga perlu mengamalkan gaya hidup sihat yang bermula dari rumah.

"Kerjasama daripada pelbagai agensi terlibat seperti MPAJ, pusat khidmat masyarakat dan hospital juga dapat meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran pencegahan kepada komuniti mengenai kesihatan," katanya kepada Sinar Harian pada program Jom Hidup Sihat Tanpa Kanser di Taman Kencana.

Turut hadir, Pengurus Persatuan Penduduk Taman Kencana, Mohamad Zoolkefli Hanafiah dan Pengurus Pusat Khidmat Masyarakat DUN Pandan Indah, Nariza Zain.

Antara program yang dilaksanakan adalah pemeriksaan mammogram untuk wanita berusia 35 tahun dan ke atas.

"Kita turut melaksanakan aktiviti kecergasan diri dengan melakukan senaman aerobik untuk wanita. Diharapkan aktiviti yang diadakan sepanjang majlis ini dapat memberikan gambaran kepada orang ramai mengenai penyakit kanser ini," katanya.





MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
18 MAC 2019 (ISNIN)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Ahli SRS dilindungi insurans
Muka Surat	23

## Ahli SRS dilindungi insurans

SH 18/3/19 MLS 23.

AMPANG – Ahli SRS boleh menjalankan tanggungjawab mereka dengan lebih yakin kerana dilindungi insurans dan pemakaian lengkap ketika bertugas.

Pengerusi Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tertinggi (JPKRT) Zon Ampang, Mohd Dahan Shamsudin berkata, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JP-NIN) menyediakan kemudahan itu selain disarankan memakai vest SRS.

Menurutnya ketika rondaan mereka dibenar membawa peralatan seperti lampu suluh, alat komunikasi dan kayu belantan.

"Kesedaran masyarakat mengenai kepentingan bersama menjaga kesela-

matan tempat kediaman menerusi Kelab Rukun Tetangga (KRT), secara tidak langsung mewujudkan suasana harmoni dalam kawasan komuniti masing-masing," katanya.

Beliau berkata, SRS dapat menarik pembabitan masyarakat dalam mengawal keselamatan di kawasan masing-masing.

Menurutnya, ahli KRT juga berpeluang mendengar taklimat berkaitan tugas dan standard operasi prosedur (SOP) yang diperuntukkan kepada ahli SRS.

"Jika peronda SRS mengesyaki ada aktiviti yang mencurigakan segera menghubungi polis, peronda SRS tugasnya adalah

untuk mencegah jenayah bukan membuat tangkapan," katanya kepada Sinar Harian pada Program Pendidikan Keselamatan dan Ronda SRS JPKRT Zon Ampang.

Hadir sama, Ketua Bahagian Polis Ampang Asisten Superitenden Norazman Zakaria; Ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya, R Subramaniam dan Pegawai Khas Komunikas ADUN Lembah Jaya, Abdul Rani Saad.

Program turut melibatkan gabungan tiga KRT iaitu Taman Sri Watan, Taman Kesuma/Bukit Ampang dan Taman Halaman yang akan melakukan rondaan bersepadu bersama anggota polis.



Mohd Dahan (duduk, kiri) berharap penduduk setempat dapat membantu membanteras jenayah dengan menyalurkan maklumat kepada polis.